

## **Analisis Beberapa Pemikiran Tajdid Muhammad Tahir Jalaluddin**

### ***An Analysis of Some of Tajdid Thoughts Muhammad Tahir Jalaluddin***

Mohd Pua'ad Abdul Malik

Department of Islamic and Moral Education,  
Institute of Teacher Education, International Languages Campus.  
Lingkungan Budi, 59100 Kuala Lumpur. Malaysia.  
abdulpuad@yahoo.com

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid

Department of Islamic History & Civilization. Academy of Islamic Studies. University of  
Malaya. 50603, Kuala Lumpur. Malaysia.  
faisal@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no2.1>

#### ***Abstract***

*This article is a discussion the tajdid thinking of Tahir Jalaluddin. He is a famous reformist figure in Malaya at early 20th century. The pattern of his tajdid are very advanced and ahead of his time and relevant according to the contemporary context. By using document research instruments and content analysis, this study found that the concept of tajdid Tahir is clearly evident with a new feature fiqh pattern approach that includes and complies with the methods of Islamic law. The great impact of tajdid thinking pioneered by him has influenced the character of Islam in society as well as being a constant inspiration to current Malay Islamic scholars and reformers.*

**Keywords:** *Thought of Tajdid, Tahir Jalaluddin, Tajdid Figures, Malay Tajdid Scholars.*

#### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan pemikiran tajdid Tahir Jalaluddin. Beliau merupakan tokoh islah yang terkenal di Tanah Melayu. Corak dan pola pemikiran tajdid beliau sangat maju ke hadapan dan mendahului zamannya dan relevan mengikut konteks sezaman. Dengan menggunakan instrumen kajian dokumen dan analisis kandungan, kajian ini mendapati konsep tajdid Tahir jelas terserlah dengan pendekatan corak fiqh ciri baru yang merangkumi dan menepati kaedah hukum Islam. Impak besar pemikiran tajdid yang dipelopori oleh beliau telah mempengaruhi karakter Islam dalam masyarakat serta menjadi inspirasi berterusan kepada pengkaji dan reformis melayu Islam semasa.

**Kata kunci:** Pemikiran Tajdid, Tahir Jalaluddin, Tokoh Tajdid, Tajdid Ulama Melayu.

## **Pendahuluan**

Artikel ini memfokuskan kepada beberapa pemikiran tajdid Muhammad Tahir Jalaluddin<sup>1</sup> dalam beberapa karya beliau. Tahir memperkenalkan pembaharuan dalam pemikiran hukum dan metodologi fiqh. Pendekatan yang diketengahkan oleh beliau seperti ini telah memperkuat lagi naluri ingin tahu dalam diri umat Islam,<sup>2</sup> cabaran yang dihadapi oleh generasi hari ini ialah memahami kaedah yang setepat-tepatnya terhadap pemikiran Islam yang luhur dan aplikasi kepada realiti kehidupan moden yang serba serbi canggih. Maka riwayat hidup dan pemikiran tokoh-tokoh dapat membantu ke arah memahami kaedah amal Islami dengan tafsiran sesuai menurut realiti semasa.<sup>3</sup>

Tahir merupakan ulama yang terkenal di Nusantara, banyak menghasilkan karya perundangan Islam<sup>4</sup> dan memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan ilmu dalam pelbagai disiplin termasuk fiqh,<sup>5</sup> falak,<sup>6</sup> dakwah,<sup>7</sup> pendidikan<sup>8</sup> serta pelopor gerakan islah. Selain terkenal membawa aliran pemikiran moden pada zaman beliau, Tahir mempunyai lontaran idea dalam pemikiran hukum dan digarap melalui penulisan beliau.

---

<sup>1</sup> Dalam penulisan berikutnya akan disebut sebagai Tahir.

<sup>2</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam* (Selangor: Dawama Sdn. Bhd, 2003), 17

<sup>3</sup> Mohammad Kamil Ab. Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Islam* (Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn.Bhd, 2010), xi.

<sup>4</sup> Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 78.

<sup>5</sup> Mohamad Amin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956M) Terhadap Perkembangan Fiqh di Nusantara" (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) IV, Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 272.

<sup>6</sup> Mohammad Ilyas, "Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains," dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* ed. Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia 2003), 66.

<sup>7</sup> Mafri Amir, "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia: Studi Pemikiran, Gerakan dan Pengaruh Syeikh Muhammad Thahir Jalal-Din" (Tesis kedoktoran, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2004), 161-164.

<sup>8</sup> Mafri Amir, "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia," 161-164.

Kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada ketokohan beliau berkaitan aspek-aspek mengenai biografi, pemikiran pembaharuan dan sumbangan dalam perkembangan fiqh dan falak.

Pemahaman tentang konsep tajdid pemikiran yang diamalkan pada sesuatu masa dan tempat amat penting untuk dikaji dan diteliti dalam usaha untuk mencari idea yang terbaik ke arah pelaksanaan hukum Islam yang sempurna dan bertepatan dengan kehendak *Maqasid Syari'ah*. Pemikiran tajdid yang diamalkan oleh Tahir tidak mudah disesuaikan dengan masyarakat Melayu yang berpegang kepada ajaran agama. Justeru, beliau sentiasa berkonflik dan berpolemik dengan golongan yang mempunyai status *quo* dalam hal pentadbiran agama. Beliau adalah tokoh ulama *revolusioner* yang berani menunjukkan kelainan daripada norma yang dipegang oleh masyarakatnya.<sup>9</sup> Idea *reformism* ala Mesir yang dibawa oleh Tahir kemudiannya telah diwarnakan dengan ciri-ciri tempatan Tanah Melayu tertumpu kepada kaedah dan pendekatan utama dalam menyediakan masyarakat Melayu dengan metode yang dinamik tentang bagaimana Islam itu harus digunakan untuk berhadapan dengan arus permodenan<sup>10</sup> Sesuatu persoalan yang timbul ada kaitan dengan objek, manusia, masyarakat, institusi, idea, kefahaman atau perkembangan tertentu sekali ada asal usul atau puncanya, hubungan atau konteksnya yang tersendiri, kerana dalam persoalan fiqh sesetengah ulama itu mempunyai pandangan mereka sendiri terhadap sesuatu berasaskan kemampuan intelektual mereka, keadaan dan realiti masyarakat pada zaman mereka.<sup>11</sup>

Tahir menyandarkan pemikiran tajdid beliau kepada kitab-kitab yang *mu'tabar* dalam memahami setiap persoalan *khilafiyah* dan perbahasan fiqh. Beliau tidak menafikan sumber rujukan daripada kitab-kitab klasik menjadi satu kepentingan. Sebagai tokoh gerakan pembaharuan Tahir menghargai sumbangan besar yang telah diberikan oleh ulama silam terhadap perkembangan intelektual umat islam yang tidak boleh dipandang ringan semata-

---

<sup>9</sup> Mohd Sarim Mustajab, "Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama dan Perubahan Masyarakat" dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, ed. Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003), 25.

<sup>10</sup> Abdul Kadir, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, 32.

<sup>11</sup> Idris Awang dan Rahimin Affandi, "Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan dalam Penyelidikan Islam," *Jurnal Fiqh*, no. 3 (2006), 134.

mata. Beliau juga merujuk fatwa ulama silam sebagai medium dalam usaha menghasilkan fatwa yang baru.<sup>12</sup> Tahir beranggapan bahawa penghormatan yang diberikan kepada ulama silam yang terlibat didalam menghasilkan karya fiqh klasik bukanlah bermakna mereka maksum. Karya mereka hendaklah dinilai secara kritikal demi untuk mengetahui sama ada pendapat mereka betul atau pun tidak dan sama ada ia sesuai untuk zaman ini.<sup>13</sup>

### **Tahir Ulama Melayu Modenis**

Tahir merupakan ulama yang terkenal di Nusantara, banyak menghasilkan karya perundangan<sup>14</sup> dan memberikan sumbangan besar terhadap perkembangan ilmu dalam pelbagai disiplin termasuk fiqh,<sup>15</sup> falak,<sup>16</sup> dakwah,<sup>17</sup> pendidikan<sup>18</sup> serta pelopor gerakan islah dan dianggap tokoh paling terkemuka dalam gagasan islah Islam di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>19</sup> Beliau dikenali sebagai Muhammad Tahir bin Sheikh Muhammad atau Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki (1869-1956) dilahirkan pada hari Selasa 7 November 1869 di Kota Tua Empat Angkat sebuah Daerah di Bukit Tinggi Sumatera Barat.<sup>20</sup> Beliau adalah antara cendekiawan Islam yang berperanan besar dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam bagi menerima pembaharuan<sup>21</sup> dan membawa gagasan pemikiran Islam moden di Tanah Melayu. Sejak awal kedatangan Islam dengan perutusan Nabi Muhammad SAW kepada masyarakat Arab Jahiliah.

---

<sup>12</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah" dalam *Fiqh Malaysia: Kearifan Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini* ed. Paizah Ismail et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000), 32.

<sup>13</sup> Rahimin Affandi, "Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah", 32-3.

<sup>14</sup> Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, 78.

<sup>15</sup> Amin, "Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin," 272.

<sup>16</sup> Mohammad Ilyas, "Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains," ed., Sohaimi Abdul Aziz, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia 2003), 66.

<sup>17</sup> Mafri Amir, "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia," 161-164.

<sup>18</sup> Mafri Amir, "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia, 161-164.

<sup>19</sup> Mohd Sarim Mustajab, "*Sheikh Tahir Jalaludin*," 10.

<sup>20</sup> Hafiz Zakariya, "Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin," *Intellectual Discourse*, vol. 13, no 1 (2005), 49.

<sup>21</sup> Nik Mohd Rosdi, "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin" dalam *Ilmuan Nusantara* (Kuala Lumpur, Percetakan Zafar Sdn Bhd, 2011), 91.

## Pemikiran Tajdid Tahir

Tahir mempunyai pendirian dalam mempertahankan Islam daripada terpengaruh dengan pandangan agama yang bertentangan dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah serta pandangan agama yang menyeleweng daripada amalan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.<sup>22</sup> Pemikiran ini berdasarkan firman Allah Ta'ala yang merujuk kepada kewajipan berhukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT dan mengharamkan apa yang diharamkan serta menghalalkan apa yang dihalalkan.<sup>23</sup> Dalam merujuk kepada kitab al-Qur'an sebagai panduan menilai sesuatu hukum Tahir menjadikan al-Qur'an sumber utama dalam menyokong hujjah-hujjah yang menyentuh persoalan kehidupan dan kemasyarakatan. Ini dapat dilihat didalam beberapa perbahasan dan penulisan karya, risalah dan artikel penulisan beliau dalam menghadapi persoalan-persoalan fiqh dan cabaran isu-isu sosial beliau konsisten berpegang dan berhujah dengan ayat-ayat suci al-Quran.<sup>24</sup>

Terdapat banyak tulisan yang menyatakan bahawa sumber pemikiran Tahir dan sahabat beliau dalam gerakan kaum muda adalah berlandaskan kepada al-Qur'an. "Al-Imam" dikatakan majalah yang mengandungi seruan untuk pembaharuan fikiran, sikap serta penglibatan umat islam didalam ajaran Islam berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah serta kembali kepada amalan berijtihad, mengelak dari taqlid buta.<sup>25</sup> Menurut Tahir sumber nas iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah mestilah diutamakan didalam menerbitkan sesuatu hukum kerana ianya asas bagi menanggapi persoalan hukum, beliau mengutamakan penghujahan nas didalam mana-mana situasi, menurut beliau:

Sesungguhnya hendaklah kita berpegang kepada sumber yang asal (al-Quran dan al-Sunnah) melalui Agama yang di

---

<sup>22</sup> *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 1113.

<sup>23</sup> Al-Aḥzāb 33: 36

<sup>24</sup> Abdul Kadir, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, 88. Al-Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari, *Risalah Penebas Bid'ah-bid'ah di Kepala Batas* (Pulau Pinang: Lembaga Persediaan Majlis Muzakarah Kampung Baharu, t.t.), 5.

<sup>25</sup> Abdullah @ Alwi Hassan, *Penyelidikan sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah dalam Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 22.

Syari'atkan oleh Allah melalui lisan Rasulnya, tidak ada sesuatu itu melainkan padanya ada hukum Allah yang terdiri dari shahih atau fasik atau haram atau halal atau sunnah atau bida'ah, kesemuanya ini tidak dapat dibezakan melainkan dengan Nas yang menerangkan hukum Allah.<sup>26</sup>

Dalam memahami perbahasan pemikiran tajdid Tahir banyak melihat sumber bagi persoalan hukum dari sumber hukum Islam secara menyeluruh, apa yang dimaksudkan dengan sumber adalah dalil, tempat mengambil hukum dan kaedah menganalisis hukum fiqh,<sup>27</sup> kerana persoalan sumber dan kaedah untuk mendapatkan sesuatu maklumat yang betul amat dititik beratkan didalam keilmuan dan ajaran Islam.<sup>28</sup> Beliau meletakkan dua asas utama berkaitan dalil iaitu masalah penggunaan dalil dan status dalil tersebut,<sup>29</sup> cara bagaimana sesuatu dalil itu diambil dan diaplikasikan di dalam persoalan hukum islam dan status dalil dinilai dari sudut tingkatan keabsahan dalil, jika dalil sumbernya daripada hadis Nabi, status hadis tersebut perlu dinilai dan dianalisis sebelum dijadikan dalil. Beliau dilihat mementingkan *al-Istidlal* atau *al-A'sl*, kerana ia asas kepada pembinaan kaedah atau persoalan bagi hukum fiqh,<sup>30</sup> contoh kefahaman fiqh beliau bersandarkan kepada *al-Istidlal* ini:

Maka memadailah dalil-dalil (sebagai sumber dan rujukan) sesungguhnya bahawa Nabi dan orang-orang Islam selepasnya tidak melakukannya jika ianya dilakukan, pasti terdapat sumber atau dalil yang khusus dan benar yang menyatakannya.<sup>31</sup>

Menurut Tahir:

Jika tidak terdapat dalil (pada sesuatu persoalan itu) dan mereka tidak mendatangkan dalil yang khusus bagi

---

<sup>26</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 40, kitab ini boleh dirujuk dalam Surat Persendirian Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>27</sup> Abdul Halim el-Muhammady, *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis* (Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1994), 1.

<sup>28</sup> Hassan Langgulong, *Asas-asas Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 112-114.

<sup>29</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 3.

<sup>30</sup> Basri Ibrahim et al., *Kaedah-kaedah Penting Usul Fiqh Berdasarkan Manhaj Ahli Hadis* (Selangor: al-Hidayah Publications, 2011), 14.

<sup>31</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 17.

persoalan tersebut..bahkan itu menjadikan dalil yang kuat ianya bukan mengikut kehendak syarak.<sup>32</sup>

Melalui teks tersebut dalil mestilah didahulukan dan dirujuk sebagai satu instrumen bagi hukum islam, jika dalil tidak dirujuk sebagai piawaian utama untuk mengambil hukum ianya bersalahan dengan prinsip syara' penekanan beliau terhadap persoalan *al-Istidlal* bertujuan untuk memberi nasihat kepada masyarakat supaya kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan menjauhkan amalan-amalan yang tidak bersandarkan dan bersumberkan kepada dalil yang jelas. Apabila dalil itu salah atau tidak tepat ia menjadikan keseluruhan perbahasan terhadap sesuatu persoalan berkaitan hukum itu tidak tepat serta salah.<sup>33</sup>

Tidak dinafikan pemikiran tajdid Tahir masih terikat dengan disiplin, kaedah dan *usūl* mazhab Shafi'i. Namun pendapat beliau yang berbeza dalam memahami isu-isu fiqh telah mencetuskan pemikiran baru yang bertentang arus dengan pemikiran ulama tradisional.<sup>34</sup> Pendekatan pemikiran tajdid beliau yang dinamik dapat membuktikan beberapa perkara, antaranya hukum syarak mesti berpaksikan kepada dalil dan sumber yang paling kuat dan beliau melihat kepentingan untuk memahami sesuatu persoalan fiqh dan menyelesaikannya dengan sumber dan dalil yang tepat, beliau banyak menganalisis dan menilai dalil atau sumber sesuatu rujukan dengan teliti bersesuaian dengan realiti semasa serta konsisten menolak taqlid buta. Tahir juga peka dan banyak membuat penilaian terhadap dalil-dalil yang digunakan oleh para ulama dalam menguatkan hujah mereka,<sup>35</sup> beliau menyeru kepada usaha-usaha untuk melakukan ijtihad dari bertaqlid kepada sesuatu pendapat didalam memahami persoalan fiqh.<sup>36</sup> Dalam membicarakan soal bertaqlid beliau begitu menekankan perlunya peranan akal dalam kehidupan beragama dan dalam kehidupan bersosial dan bermasyarakat.

Tahir mencela pola berfikir umat Islam Melayu yang cenderung menyerah kepada nasib atau takdir, pola berfikir seperti ini tidak berupaya merubah nasib seseorang. Umat Islam lebih

---

<sup>32</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 26.

<sup>33</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 28.

<sup>34</sup> Amin, "Sumbangan Syekh Tahir Jalaluddin," 277.

<sup>35</sup> Amin, "Sumbangan Syekh Tahir Jalaluddin," 277.

<sup>36</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 42.

bersikap pasif tidak wujud dinanisme pemikiran dan anjakan paradigma keilmuan dalam persoalan agama. Kefahaman dan ajaran Islam yang dianuti bercirikan taqlid hanya mengikut pendapat ulama yang terdahulu dan tidak berani merubah pemikiran yang telah sedia ada.<sup>37</sup> Ini bertepatan dengan konsep yang didokong oleh Tahir melalui pembaharuan tajdid bahawa Islam menyeru kepada berfikir kerana banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyeru ke arah menggunakan akal lebih-lebih lagi dalam soal memahami kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah. Penekanan kepada penggunaan paradigma rasional ini berasaskan semangat ijtihad kepada usaha mempercambahkan kreativiti umat Islam.<sup>38</sup> Kesemua ini membuktikan sikap dan sifat prihatin Tahir terhadap konsep epistemologi dalam kalangan intelektual Melayu mendapat perhatian yang amat serius dilihat dari aspek disiplin keintelektualan ulama'-ulama' Melayu.<sup>39</sup>

### **Tidak Fanatik kepada Sesuatu Mazhab**

Dalam istilah *usul*, fanatik dikenali dengan taksub.<sup>40</sup> Perkataan taksub berasal daripada perkataan Arab yang bererti 'tidak menerima kebenaran tentang pandangan dan pendapat orang lain yang berdasarkan dalil-dalil syarak disebabkan kecenderungan seseorang kepada aliran tertentu.<sup>41</sup> Perkataan taksub tidak terdapat dalam Kamus Dewan. Apa yang terdapat didalamnya adalah perkataan fanatik.<sup>42</sup> Fanatik bererti keterlaluan pada sesuatu pegangan atau pendirian berkaitan dengan agama. Pengertian yang hampir sama juga terdapat pada perkataan ekstrem.<sup>43</sup> Ekstremis

---

<sup>37</sup> Mafri Amir, "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia," 39.

<sup>38</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Pemikiran Pembangunan Hukum Islam di Malaysia: Satu Analisis" (kertas kerja, Seminar Kebangsaan Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari, Universiti Sains Malaysia, 29 Oktober 2008).

<sup>39</sup> Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam al-Quran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 48.

<sup>40</sup> Qutub Mustafa Sanu, *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh 'Arabī-Ingilīzī* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2000), 137.

<sup>41</sup> Luqman Haji Abdullah, "Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafī'i Masyarakat Melayu," *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 108.

<sup>42</sup> Fanatik orang yang keterlaluan pada sesuatu pegangan atau pendirian biasanya berkaitan dengan keagamaan, lihat "*Kamus Dewan*," 406, entri fanatik.

<sup>43</sup> Beerti keterlaluan dan melampau, lihat "*Kamus Dewan*," 383, entri ekstremis.



pula bererti orang yang sikapnya keterlaluan dan melampau dalam sesuatu hal seperti agama, politik dan sebagainya.<sup>44</sup> Menurut Muhammad Raft 'Uthman "Taksuf mazhab adalah sesuatu yang dibenci dan dilarang disisi syarak. Ini kerana maksud ta'ssuf mazhab ialah seseorang beriltizam dengan pendapat tertentu dalam masalah syarak dan enggan berubah, sedangkan dalam masa yang sama antara dirinya dengan Allah azza wajalla dia sedar pendapat tersebut tidak sah, atau lemah, dan mazhab lain, atau ahli fekah lain telah memberikan pendapat yang sah."<sup>45</sup>

### **Mengambil Pendapat Selain dari Mazhab Shafi'i**

Melalui pemerhatian, penulisan yang dihasilkan oleh Tahir jauh dari rasa fanatik atau taksuf kepada sesuatu mazhab kerana terdapat pendapat Imam-imam mazhab lain dirujuk dan dijadikan hujjah terhadap sesuatu persoalan hukum, dalam menyandarkan pendapat daripada Imam Mazhab selain dari al-Shafi'i, Tahir menyatakan:

Ini adalah pendapat yang dipegang oleh Mazhab Maliki hingga sekarang<sup>46</sup>

Telah berkata Abu Hanifah:<sup>47</sup>

Pendapat ini bersalahan dengan pendapat Imam Malik dan Abu Hanifah<sup>48</sup>

Di dalam persoalan fiqh, beliau membawa pendapat yang dipegang oleh Mazhab Maliki sebagaimana beliau juga merujuk kepada kitab-kitab selain dari kitab fiqh Mazhab Shafi'i. Tahir merujuk pendapat Imam Malik dan Kitab *al-Muwattā'* sebagai rujukan, beliau juga merujuk kitab-kitab ulama' Maliki seperti kitab *al-Itiṣam* karangan al-Shāṭibī, beliau merujuk pendapat Abu Hanifah dalam memahami persoalan fiqh, seperti menyatakan inilah pendapat dari Mazhab Abu Hanifah, dalam mengemukakan pendapat dan hujahnya beliau juga mengambil pendapat diluar

---

44 Beerti keterlaluan dan melampau, lihat "*Kamus Dewan*," 383, entri ekstremis.

45 Muhammad Raft 'Uthman, "al-Ta'asuf al-Mazdhabī Athāruhu 'alā al-Madhāhib al-Islāmiyyah", laman sesawang *Al-Furqān*, dicapai pada 20 Jun 2012. <http://www.al-forqan.net/>

46 Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 37. وعلى هذا ذهب مذهب المالكية الى الان

47 Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 23. قال ابو حنيفة

48 *Ibid.*, خلافا لمالك وابو حنيفة

lingkungan mazhab Shafi'i seperti pendapat Malik, Abu Hanifah dan Imam Ahmad. Pendekatan yang dilakukannya merupakan cara yang tidak pernah dilakukan oleh ulama' Nusantara sebelumnya. Jika sebelum ini penulisan fiqh begitu terikat dan hanya *mensharah*, memaparkan serta mengutip pendapat-pendapat ulama' mazhab Shafi'i sahaja tanpa ada sebarang kritikan dan penilaian terhadap pendapat dan dalil-dalil yang digunakan.<sup>49</sup> Pegangan ini tidak pernah diganggu gugat sehinggalah pada awal kurun ke-20 dengan kedatangan aliran *islah* dan *tajdid* yang mempromosikan pemikiran *Salafiyah* dalam akidah dan fiqh tanpa sempadan mazhab dalam hukum dan amalan. Kemunculan aliran ini telah mencetuskan kontroversi yang berpanjangan hingga ke hari ini sama ada diperingkat masyarakat awam atau ulama terutamanya apabila menyentuh tentang pemikiran dan amalan-amalan baru yang dilihat berbeza, bercanggah dan bertentangan dengan amalan tradisi mereka.<sup>50</sup> Dalam menanggapi beberapa persoalan masyarakat Tahir telah membawa pendekatan berbeza dan berani memberi komentar dan analisa terhadap pendapat-pendapat yang dirasakan kontradiksi dengan petunjuk al-Qur'an dan hadis. Pengaruh mazhab Shafi'i yang sudah sebatikan dalam jiwa masyarakat Melayu menyebabkan wujud satu perasaan tidak selesa apabila ada unsur-unsur pengaruh mazhab lain yang cuba dibawa masuk ke dalam masyarakat. Dari satu sudut tidak ta'ssub ini akan memberikan impak dan kesan yang baik dari sudut jangka panjang melalui peredaran zaman, pendedahan kepada mazhab-mahab lain, buku-buku rujukan, kepentingan umum menunjukkan sikap sesetengah pihak yang agak terbuka dalam menerima pandangan-pandangan diluar lingkungan mazhab Shafi'i.<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> Amin, "Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin,"135.

<sup>50</sup> Rushdi Ramli et al., "Kesesuaian Pemikiran dan Amalan Mazhab Selain Shafi'i" dalam *Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Awal dalam Islam and Contemporary Muslims Challenggers and Issues*, ed. Siddiq Ahmad et al. (Bangi: Jabatan Aqidah dan Falsafah, Falkulti Pengajian Islam, UKM, 2009), 357-8.

<sup>51</sup> Noor Naemah Abd. Rahman et. al., "Keterikatan Fatwa kepada Mazhab Shafi'i: Analisis terhadap Fatwa-fatwa Jemah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" (Prosiding Seminar Kebangasaan Usul Fiqh Sufi 2004, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM, 2004), 178.

## **Pengaruh Mazhab Shafi'i**

Pengaruh dan impak dominasi fiqh yang terangkum didalam pengajian Syari'ah boleh dilihat kepada tinggalan warisan perbendaharaan fiqh Islam yang cukup besar, sehingga mencetuskan penubuhan pelbagai mazhab dalam Islam. Salah satu daripada warisan mazhab fiqh yang cukup dominan adalah mazhab Shafi'i itu sendiri.<sup>52</sup> Berdasarkan kepada sejarah, Islam di Malaysia telah disebar dan dianuti oleh masyarakatnya melalui pengajaran berdasarkan mazhab Shafi'i. Latar belakang tokoh-tokoh agama, tuan-tuan guru, karya-karya yang digunakan dalam pengajaran formal mahupun tidak formal juga telah menguatkan lagi kefahaman dan pengamalan umat Islam di Malaysia terhadap mazhab ini.<sup>53</sup> Ini kerana sifat mazhab Shafi'i yang lebih sesuai dengan budaya tempatan Melayu. Sikap ini tidaklah menghairankan memandangkan pengaruh mazhab Shafi'i yang telah berakar umbi dalam masyarakat sejak tibanya Islam di alam Melayu lagi. Masyarakat telah selesa dan sehati dengan mazhab ini dan ini dianggap satu tradisi yang murni yang perlu dipertahankan oleh masyarakat demi menjaga keharmonian dan kesatuan ummah.<sup>54</sup> Mubaligh Shafi'i yang awal telah mengamalkan sikap mesra budaya yang mendapat dukungan penguasa politik serta kemudiannya. Fuqaha' mazhab Shafi'i juga telah mengasaskan sistem pendidikan Islam yang lebih sistematik di rantau Alam Melayu. Hal ini merujuk kepada pengenalan sistem pondok yang mengandungi pasaran fizikal yang khusus, falsafah pengajian, kaedah dan kaedah penilaian yang cukup sistematik.<sup>55</sup>

Oleh kerana kedatangan Islam ke Nusantara dan Semenanjung Tanah Melayu khususnya didokong oleh ulama'-ulama' mazhab Shafi'i maka segala pengajaran yang dibawa telah dikembangkan oleh mereka berteraskan mazhab tersebut. Pengaruh mazhab Shafi'i

---

<sup>52</sup> Mohd Anuar Ramli dan Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Mazhab Shafi'i dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis," *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 39.

<sup>53</sup> Abdul Karim Ali, "Tajdid Fiqh Mazhab Shafi'i di Malaysia," *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 78-9.

<sup>54</sup> Mustaffa Abdullah et al., "Konflik Ikhtilaf di kalangan Aliran-aliran Islam di Malaysia: Faktor dan Punca" (Prosiding Seminar Antarabangsa Pemikiran Islam, Jabatan Akidah dan Falsafah, UKM, 2004), 722.

<sup>55</sup> Mohd Anuar Ramli dan Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Mazhab Shafi'i dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis," 51-2.

menjadi amat dominan kerana tiada persaingan dari mazhab lain. Kedudukan serta pengaruh mazhab ini dalam masyarakat Melayu diperkukuhkan melalui sistem perundangan dan pendidikan. Dengan itu, mazhab Shafi'i menjadi mazhab rasmi bagi masyarakat Melayu dan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa orang-orang Melayu adalah penganut mazhab Shafi'i yang fanatik.<sup>56</sup> Kesannya, penerimaan Islam oleh masyarakat Malaysia secara tidak langsung telah dipengaruhi oleh mazhab Shafi'i yang menjadi ikutan para pendakwah itu sendiri.

Aliran mazhab ini seterusnya dikembangkan oleh guru-guru agama di pondok-pondok yang banyak menekankan pengajaran daripada mazhab tersebut.<sup>57</sup> Situasi ini telah berjaya mempengaruhi kerajaan dan rakyat di Tanah Melayu untuk lebih kuat berpegang dengan mazhab tersebut. Malah, pegangan umat Islam terhadap mazhab Shafi'i bukanlah sesuatu amalan dan paradigma yang salah dalam pengamalan ajaran Islam, tetapi ianya merupakan formula yang bersifat *flexible* yang memberikan garis panduan terhadap setiap persoalan yang muncul dalam kehidupan manusia. Sifat Mazhab Shafi'i yang berupa paradigma sintesis di antara pandangan *ahl ray'* dan *ahli hadis*. Ianya lebih adaptif dengan budaya tempatan Melayu. Mubaligh Shafi'i yang awal telah mengamalkan sikap mesra budaya yang mendapat dokongan penguasa politik serta kemudiannya mampu menyebarkan ajaran Islam secara cukup berkesan di Alam Melayu,<sup>58</sup> sungguhpun Tahir dikatakan seorang tokoh pembaharuan yang berpegang kepada sumber al-Qur'an dan Sunnah dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan<sup>59</sup> terdapat banyak penulisan dan pandangan beliau yang terikat dengan metode fiqh Shafi'i. Pendekatan penulisan dan pola pemikiran beliau dilihat tidak terkeluar dari corak pemikiran fiqh Shafi'i. Melalui penelitian penulis didalam beberapa pilihan, pendapat beliau lebih dominan dan berbeza daripada apa yang

---

<sup>56</sup> Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara* (cet. 2, Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM, 1992), 192.

<sup>57</sup> Abdul Halim el-Muhammady, *Pengaruh Mazhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia* (Kajang: Sincere Press, 1982), 4.

<sup>58</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Ulama' dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu", dalam Hashim Awang *Wacana Budaya*, ed. Othman Yatim dan Nor Azita Che Din (Kuala Lumpur: APMUM, 2006), 55-80.

<sup>59</sup> Abdul Halim el-Muhammady, *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1986), 35.

masyhur didalam mazhab membuktikan betapa beliau sebenarnya tidak terikat dengan keputusan mazhab Shafi'i terdahulu. Dalam mengemukakan pendapatnya beliau banyak mengutip pendapat Shafi'i dan ulama' Shafi'iyah sendiri seperti Abū Shamah, al-Rafi'ī (623 H), al-Ghazālī ( 505 H), al-Nawāwī (676 H), Ibn Ṣalah (643 H), al-'Asqalānī (852 H), al-Hāfidh al-Zar'ī, al-Qaṣṭalānī (923 H) dan lain-lain lagi. Beliau bukan *muqallid* buta dan menolak taqlid secara total. Disebabkan berpegang dengan kaedah mazhablah beliau memilih pendapat yang berbeza kerana mengikuti dalil yang lebih kuat. Antara pendekatan pengaruh mazhab Shafi'i berdasarkan beberapa faktor antara lainnya, Tahir banyak merujuk pendapat dari al-Shafi'i, menurut Tahir:

Ini bertepatan sebagaimana yang telah dinaskan oleh al-Shāfi'ī<sup>60</sup>

Kebanyakan penulisan Tahir merujuk kepada Mazhab, riwayat, pendapat, Nas, kata-kata dari Shafi'i seperti:

Sebagaimana yang diriwayatkan al-Imam Muhammad bin Idris Shafi'i<sup>61</sup>

Telah berkata Imam Shafi'i didalam kitab al-Umm<sup>62</sup>

Telah berkata Imam Shafi'i<sup>63</sup>

Kata Imam Shafi'i dalam mazhab lamanya<sup>64</sup>

Tiada nas dari Imam Shafi'i, ianya diterima pakai didalam mazhab<sup>65</sup>

Kesemua hadith-hadith ini adalah jelas sebagai pegangan bagi Mazhab Shafi'i<sup>66</sup>

Kitab *al-Umm* juga dijadikan rujukan di dalam membahaskan persoalan hukum didalam kitab tersebut. Kitab-kitab rujukan yang digunakan didalam kitab tersebut kebanyakannya merujuk kepada

---

60 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 7. وهذا موافق لنص الامام الشافعي

61 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 7. ما رواه الامام محمد بن ادريس الشافعي

62 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 7. قال الشافعي في الام

63 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 7. قال الشافعي

64 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 7. قال الشافعي في القديم

65 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 7. لا نص للشافعي والذي يجزي على المذهب

66 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 7. لا نص للشافعي والذي يجزي على المذهب

66 Tahir, *Ta'yid Tadhhkirah*, 23. كلها صريحة في الدلالة للمذهب الشافعي

kitab-kitab ulama'-ulama' dari Mazhab Shafi'i, seperti kitab *al-Ba'ith* karangan Abī Syamah bermazhab Shafi'i, kitab karangan al-Nawāwī, nama al-Nawāwī telah diulang-ulang oleh Tahir sebagai rujukan ilmuan yang utama, ini tidak menghairankan kerana kedudukan Imam al-Nawawi sendiri yang dianggap sebagai *muhaqqiq*<sup>67</sup> dan merupakan tokoh besar didalam mazhab Shafi'i,<sup>68</sup> beliau juga merujuk kepada *Qawl al-qadīm*<sup>69</sup> iaitu koleksi fatwa dan ijihad yang dikeluarkan oleh al-Shāfi'ī semasa berada di Iraq.<sup>70</sup> *Qawl qadīm* dan *Qawl jadīd* Imam Shafi'i adalah gambaran keanjalan fiqh, ia boleh berubah kerana mengambil kira beberapa faktor tertentu. Ia biasanya merujuk kepada perbezaan tempat, 'uruf, zaman dan penemuan dalil baru yang lebih kuat. Namun secara umum, perubahan *qawl* al-Shāfi'ī dilihat umum sebagai perbezaan tempat itu sendiri, di antara Iraq dan Mesir.<sup>71</sup> Beliau juga merujuk kepada hujjah-hujjah yang dibawa oleh ulama'-ulama' Shafi'iyah untuk menguatkan sesuatu hujjah dan pegangan beliau, menurut Tahir:

Ini adalah pendapat yang mashur dalam kalangan ulama'-ulama' seperti al-Nawāwī di dalam kitab Majmū' dan Sharḥ Muslim dan al-Rafi'ī didalam Sharḥ al-Wajīz dan al-Imam Abi Shamah dalam al-Baith.<sup>72</sup>

Walaupun Tahir agak selektif dan berani mengkritik pendapat dalam mazhab Shafi'i ini bukan bermakna beliau tidng berpegang kepada mazhab Shafi'i. Beliau agak kritis dalam menilai sesuatu pendapat yang diutarakan oleh para ulama.<sup>73</sup> Tahir dilihat mencari alternatif yang paling releven diantara pendapat-pendapat para imam mazhab mengikut kesesuaian realiti semasa. Pada hakikatnya

---

<sup>67</sup> Abd al-Rahmān ibn Abī Bakr al-Suyūfī, *al-Minhaj al-Ṣāwī fī Turjumāt al-Imām al-Nawāwī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 2.

<sup>68</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Mazhab Syafi'i di Malaysia: Sejarah, Realiti dan Prospek Masa Depan," *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 18.

<sup>69</sup> *Qawl Qadīm* boleh didefinisikan sebagai pendapat, fatwa, *qawl* dan kitab-kitab yang ditulis oleh al-Shaf i sewaktu beliau berada di Baghdad, lihat Abdul Karim Ali et al., "Faktor Perubahan Pendapat al-Shafi'ī dari *Qawl Qadīm* kepada *Qawl Jadīd*," *Jurnal Syariah*, jil. 16, bil. 2 (2008), 308.

<sup>70</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (cet. 3, Damsyik: Dār al-Fikr, 1986), 1:37.

<sup>71</sup> Abdul Karim Ali et al., "Faktor Perubahan Pendapat Imam al-Shafi'ī dari *Qawl Qadīm* kepada *Qawl Jadīd*," *Jurnal Syariah*, jil. 16, bil. 2 (2008), 308.

<sup>72</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 24.

<sup>73</sup> Mohamad Amin Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin", 277.

beliau bukan bertaqlid kepada sesuatu pendapat tetapi mengikut dalil yang dijadikan sumber oleh ulama' mazhab walaupun mendapat tentangan dan menerima kritikan yang bertali arus, kerana pengaruh mazhab Shafi'i yang sudah sebatu dalam jiwa masyarakat Melayu menyebabkan wujud satu perasaan tidak selesa apabila ada unsur-unsur pengaruh mazhab lain cuba dibawa masuk ke dalam masyarakat oleh gerakan islah atau reformisme.<sup>74</sup>

Perkembangan mazhab menyebabkan bertapaknya mazhab Shafi'i dan akhirnya membentuk keseragaman yang murni dalam masyarakat. Jika amalan bermazhab ini dikatakan sebagai fanatik maka tidak ada tempat didalam dunia Islam yang bebas dari fanatik mazhab. Ia adalah proses biasa dalam mana-mana tempat berkembangnya sesuatu mazhab. Bahkan boleh berlaku sesuatu tempat yang dikuasai oleh sesuatu mazhab akan bertukar penguasaannya oleh mazhab lain. Apa yang penting dipelajari ialah proses pertukaran mazhab itu berlaku dengan harmoni tanpa dipaksa ke atas masyarakat. Ia berlaku secara natural tanpa ada unsur paksaan atau tekanan. Sebarang tekanan atau paksaan akan menimbulkan reaksi yang tidak baik kepada masyarakat dan mungkin akan berlaku fanatik dalam mempertahankan mazhab masing-masing.<sup>75</sup>

### **Elemen Tajdid Fiqh Al-Ikhtilaf**

Ikhtilaf dalam bahasa Arab membawa maksud tidak sependapat atas sesuatu perkara dalam erti kata setiap orang mengambil jalan yang berbeza sama ada dalam perkataan mahu pun pendapat. Ikhtilaf juga memberi erti tidak sama, oleh itu setiap yang tidak sama dikatakan ikhtilaf. Sementara khilaf ialah pertentangan atau berlawanan jadi ia membawa erti yang sama dengan ikhtilaf, walaupun maknanya lebih umum.<sup>76</sup> Ikhtilaf menurut istilah fuqaha' bererti berbeza pendapat, agama, jalan-jalan dalam agama dan kepercayaan terhadap sesuatu yang boleh membawa kebahagiaan atau

---

<sup>74</sup> Luqman Abdullah, "Isu-Isu Mazhab dan Khilafiyah di Malaysia" (Kertas kerja, Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 20-22hb Julai 2010).

<sup>75</sup> Luqman Abdullah, "Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan dalam kerangka Amalan Bermazhab Shafi'i Masyarakat Melayu," *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 108.

<sup>76</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Kaherah: Maṭba'ah al-Dār al-Arabiyyah li al-Ta'lif wa al-Tarjamah, t.t), 1:430.

kecelakaan kepada manusia di dunia dan akhirat.<sup>77</sup> Fikrah yang berbeza adalah satu faktor penting yang banyak mencetuskan ikhtilaf.<sup>78</sup> Perbezaan pandangan dalam persoalan pemikiran dan fiqh bukanlah suatu fenomena yang asing dikalangan umat Islam.<sup>79</sup>

Berasaskan kepada kefahaman bahawa ikhtilaf atau percanggahan pendapat adalah tabiat semulajadi manusia yang diciptakan oleh Allah SWT dengan perbezaan bahasa dan aqal, tidak hairanlah pendapat dan tujahan pandangan yang berbeza-beza apabila melihat kepada pengertian fiqh yang bermaksud ilmu tentang hukum-hukum Syarak yang bersifat amali diperolehi. Dapatan hukum-hukum yang bertentangan antara satu sama lain serta dalil-dalil hukum telah membuka ruang perbezaan pendapat dikalangan sarjana dan ilmuan Islam.<sup>80</sup> Secara jelas, Islam telah meletakkan adab-adab yang tinggi ke atas setiap muslim dalam proses pergaulan sesama muslim termasuklah ketika berselisih faham mengenai isu yang kurang jelas. Menurut Syeikh Tahir perselisihan itu ada adab atau pendekatan dan juga peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh seseorang ilmuan,<sup>81</sup> dengan tidak menyalahi kaedah-kaedah perbahasan dan perkara yang diperselisihkan<sup>82</sup> serta jauh daripada sifat marah dan fanatik terhadap sesuatu hujah, menurut Tahir:

Menurut Tahir:

Memadailah berikhtilaf dan berbahas itu dengan tidak menyalahi aturan dan undang-undangnya.<sup>83</sup>

Dalam perselisihan terdapat nilai dan adab tertentu yang perlu diamalkan dan kita sesekali ditegah menghina ulama walaupun berbeza pandangan atau pendekatan. Yahya bin Sa'īd al-Anṣārī pernah menyatakan bahawa para ulama adalah mereka yang berlapang dada dan bersifat terbuka (didalam sesuatu persoalan)

---

<sup>77</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmi al-Gharnatī al-Shaṭībī, *al-Muwāfaqāt* (Kaherah: Matba'ah 'Alī Subayh wa Awladīhi, t.t.), 4:110.

<sup>78</sup> Abdul Karim Ali et al., *Fiqh Ikhtilaf* (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 102.

<sup>79</sup> Karim et al., *Fiqh Ikhtilaf*, 3.

<sup>80</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, "Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan" dalam *Dinamisme Pengajian Syariah* (Penerbitan al-Bayan, Kuala Lumpur, 1997) 5.

<sup>81</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 1.

<sup>82</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 2.

<sup>83</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 1



dimana para ilmuwan sentiasa berbeza pendapat sehingga ada yang menghalalkan dan ada yang mengharamkan, namun mereka tidak saling mencela antara satu sama lain.<sup>84</sup> Walaupun wujud perbezaan pendapat di kalangan ulama mujtahidin, masing-masing menjelaskan hujah yang menjadi sandaran kepada setiap masalah yang dihasilkan oleh ijihad mereka, tetapi perbezaan itu tidak sedikitpun membawa kepada pulau memulau, benci mereka tanpa mengetahui dalil-dalil sandaran hukum yang mereka ijihadkan. Dalam pada itu mereka saling hormat menghormati antara satu sama lain dan berlapang dada serta bertolak ansur dalam masalah yang mereka tidak boleh bersatu. Ini disebabkan tabiat masalah-masalah yang dalilnya tidak *qat'iy*, maka pasti akan berlaku khilaf.<sup>85</sup> Inilah manhaj yang diikuti oleh ulama' terdahulu apabila berlaku khilaf dalam ijihad mereka. Mereka tidak pernah saling cela-mencela walaupun mereka sering berbeza pendapat.<sup>86</sup>

### Ilmu Pengetahuan Asas Berhujjah

Tahir mempunyai banyak pandangan mengenai etika *berikhtilaf* dalam mendepani persoalan fiqh yang diklasifikasikannya sebagai '*Uṣūl Munāẓarah*.'<sup>87</sup> Menurut beliau asas adab perselisihan pendapat itu seseorang mesti merujuk kepada kitab-kitab yang berautoriti<sup>88</sup> apabila berhujjah dalam sesuatu persoalan fiqh. Beliau juga menegaskan etika *berikhtilaf* itu apabila seseorang sarjana ingin menolak atau mengkritik sesuatu hujjah, hendaklah mendatangkan hujjah atau dalil lain yang bukan dari pendapat dalam kalangan mereka bagi menthabitkan hujjah-hujjah mereka. Dengan tegas beliau nyatakan dalam berhujjah asas pengetahuan adalah penting bukan sekadar berhujjah tanpa ilmu atau berbahas

---

<sup>84</sup> Abū 'Abd Allāh Shams al-Dīn Muḥammad, *Tadhkirah al-Huffaz* (cet. 3, Hyderabad: Da'iratul Ma'arif al-'Osmania, 1958), 138-9. vol. iv.

<sup>85</sup> Mohd Saleh bin Ahmad (kertas kerja, Seminar Pengembangan Ilmu anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Institut Pengajian Ar-Razi, Seberang Prai Selatan di Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Wilayah Utara, Kepala Batas, Seberang Prai Utara, 2004).

<sup>86</sup> Abdul Karim Ali et al., *Fiqh Ikhtilaf*, 144.

<sup>87</sup> Ianya merujuk kepada pengertian konflik, perselisihan dan pertikaian. Lihat Rohi Baalbaki, "*al-Mawrid*," 4, entri *munāẓarah*.

<sup>88</sup> Sumber dari buku atau maklumat tentang sesuatu yang boleh diterima atau dipercayai lihat "*Kamus Dewan*," 92, entri autoriti.

tanpa ilmu pengetahuan.<sup>89</sup> Apabila berhujjah seseorang mesti menjaga adab dalam perselisihan. Adalah tidak sepatutnya seseorang sarjana menyatakan hujjah seseorang itu salah (*batal*) bahkan sebaiknya menyatakan hujjah itu tidak tepat dan ini adalah suatu kelaziman yang patut diamalkan<sup>90</sup> kerana seorang sarjana atau ilmuan islam yang sejati akan menghormati keputusan sarjana lain yang berbeza pendapat dengannya. Ini adalah satu fenomena yang biasa dilihat dalam sejarah *salaf al-ṣāliḥ*.<sup>91</sup>

Para fuqaha' sentiasa hormat-menghormati ijtihad yang dikeluarkan sesama mereka, sebagai contoh bagi pendapat Imam Abu Hanifah menyentuh wanita yang bukan mahram adalah tidak membatalkan wudu', tetapi beliau sendiri mengatakan bahawa disunatkan berwudu' selepas tersentuh untuk mengelakkan daripada khilaf bagi mereka yang mewajibkannya.<sup>92</sup> Bagi umat Islam mereka bebas untuk berbahas tentang perkara-perkara khilafiyah dan berdebat dalam apa sahaja isu, tetapi hendaklah mengikut prinsip dan adabnya supaya tidak berlaku persengketaan yang merugikan ummah.<sup>93</sup> Apabila berlaku perbezaan pendapat hendaklah berpegang kepada prinsip dan asas-asas keilmuan dan akhlak.<sup>94</sup> Setiap muslim perlu menentukan sikap yang betul untuk beramal dengan pandangan-pandangan yang berbeza dalam sesuatu isu. Dalam konteks ini, setiap muslim itu perlu mengambil kira kedudukan dan tahap keilmuan diri masing-masing<sup>95</sup> kerana ilmu agama adalah ilmu yang mulia dan suci sumbernya dari Allah SWT oleh itu ia hendaklah diambil dari ulama-ulama yang muktabar dan berautoriti.<sup>96</sup>

Dalam persoalan pemikiran tajdid Tahir menyatakan seseorang sarjana mestilah mendatangkan hujjah atau dalil yang tepat dan cermat, tidak hanya berhujjah dengan dalil yang ringkas dan tidak tepat. Dalil tersebut mestilah dipersetujui oleh mereka

---

<sup>89</sup> Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta'yid Tadhkirah*, 47.

<sup>90</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*,

<sup>91</sup> Karim et al., *Fiqh Ikhtilaf*, 115.

<sup>92</sup> Muhadir Joll, *Enam perkara Asas memahami Khilafiyah*, cet. ke-2 (Selangor: Mawleed Publishing, c. 2, 2010), 68-9.

<sup>93</sup> Karim et al., *Fiqh Ikhtilaf*, 117.

<sup>94</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 47.

<sup>95</sup> Karim et al., *Fiqh Ikhtilaf*, 162.

<sup>96</sup> Abdul Ghani Shamsudin, *Kedudukan Hadith dalam Islam* (Kuala Lumpur: Persatuan Ulama' Malaysia, 1987), 1.

yang benar-benar ‘arif tentang persoalan tersebut.<sup>97</sup> Dalam menjelaskan etika dan adab berikhtilaf beliau berpendapat setiap persoalan mestilah dikaji dan dianalisis untuk mendapatkan dapatan hukum yang konsisten dan tepat, ianya penting bagi seseorang sarjana untuk mempunyai etika<sup>98</sup> didalam melakukan sesuatu penyelidikan<sup>99</sup> demi untuk menjadikannya sebagai amal ibadah di sisi Allah.<sup>100</sup> Penguasaan ilmu antara setiap individu tidak sama. Perbezaan ini sudah tentu akan melahirkan pemahaman dan penguasaan terhadap nas-nas, sekaligus akan membawa perselisihan dalam *istinbat* hukum.<sup>101</sup>

### **Pemikiran Terhadap *al-Asl* dan *Istidlal***

Dalam memahami perbincangan terhadap *al-Asl* dan *Istidlal* Tahir banyak melihat sumber persoalan solat sunat qabliyyah Jumaat dari sumber hukum Islam secara menyeluruh. Apa yang dimaksudkan dengan sumber adalah dalil, tempat mengambil hukum dan kaedah menganalisis hukum fiqh,<sup>102</sup> kerana persoalan sumber dan kaedah untuk mendapatkan sesuatu maklumat yang betul amat dititik beratkan di dalam keilmuan dan ajaran Islam.<sup>103</sup> Beliau meletakkan dua asas utama berkaitan dalil iaitu masalah penggunaan dalil dan status dalil.<sup>104</sup> Cara bagaimana sesuatu dalil itu diambil dan diaplikasikan dalam hukum Islam dan status dalil dinilai dari sudut tingkatan keabsahan dalil. Jika dalil sumbernya daripada hadis Nabi status hadis tersebut perlu dinilai dan dianalisis sebelum dijadikan dalil. Terdapat pelbagai pendekatan fiqh Tahir yang dapat dikesan di dalam penulisan kitab *Ta'yid Tadhkirah*. Beliau dilihat

---

<sup>97</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 24.

<sup>98</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim, "Etika Penyelidikan Islam: Satu Analisa", *Jurnal Afkar*, v. 1 (2000), 177-196.

<sup>99</sup> Mohd Saleh Haji Ahmad, *Pengantar Syariat Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999), 170-174.

<sup>100</sup> Yusuf Qardawi, *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi (Kuala Lumpur: Thinker's Library, 1996), 91-115.

<sup>101</sup> Karim et. al., *Fiqh Ikhtilaf*, 52-3.

<sup>102</sup> Abdul Halim el-Muhammady, *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis* (Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1994), 1.

<sup>103</sup> Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 112-114.

<sup>104</sup> Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, 112-114.

<sup>104</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 3.

mentingkan *al-asl* atau *al-istidlal* kerana ia asas kepada pembinaan kaedah atau persoalan hukum fiqh.<sup>105</sup> Contoh kefahaman fiqh beliau bersandarkan kepada *al-istidlal* ini:

Maka memadailah dalil-dalil (sebagai sumber dan rujukan) sesungguhnya bahawa Nabi dan orang-orang Islam selepasnya tidak melakukannya, jika ianya dilakukan pasti terdapat sumber atau dalil yang khusus dan benar yang menyatakannya.<sup>106</sup>

Menurut Tahir lagi:

Jika tidak terdapat dalil (pada sesuatu persoalan itu) dan mereka tidak mendatangkan dalil yang khusus bagi persoalan tersebut..bahkan itu menjadikan dalil yang kuat ianya bukan mengikut kehendak syarak.<sup>107</sup>

Melalui teks tersebut dalil mestilah didahulukan dan dirujuk sebagai satu instrumen bagi hukum Islam. Jika dalil tidak dirujuk sebagai piawai utama untuk mengambil hukum ianya bersalahan dengan prinsip syarak. Antara penekanan beliau terhadap persoalan *al-istidlal* bertujuan untuk memberi nasihat kepada masyarakat supaya kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan menjauhkan amalan-amalan yang tidak bersumberkan kepada dalil yang jelas. Apabila sesuatu dalil itu salah atau tidak tepat ia menjadikan keseluruhan perbincangan terhadap sesuatu persoalan berkaitan hukum itu tidak tepat dan salah.<sup>108</sup>

Menurut Tahir sebab utama *khilaf* di dalam isu solat sunat *qabliyyah* Jumaat adalah ketiadaan dalil khusus berkaitan solat tersebut. Maka bagi menjawab persoalan tersebut Tahir telah menggariskan dua unsur utama yang mesti diperhatikan bagi setiap ilmun. Pertama seseorang itu mesti berkecualan untuk melihat dalil daripada kedua-dua perbincangan. Apabila terdapat dalil yang lebih dominan maka dalil itu akan diikuti dan dimalkannya. Kedua seseorang yang tidak berkecualan untuk menganalisis kedua-dua dalil tersebut. Hal ini adalah disebabkan tiada kelayakan ilmu pengetahuan yang maksimum bagi ilmun tersebut untuk menganalisa kedua-dua dalil tersebut. Hal keadaan ini dilihat

---

<sup>105</sup> Basri Ibrahim et al., “*Kaedah-kaedah Penting*,” 14.

<sup>106</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 17.

<sup>107</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 26.

<sup>108</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 28.

menyebabkan isu solat sunat *qabliyyah* jumaat itu timbul dan berlegar-legar di antara persoalan bid'ah atau *sunnah*.<sup>109</sup>

Secara keseluruhannya menurut pemerhatian penulis, pemikiran fiqh Tahir masih terikat dengan disiplin, kaedah dan usul mazhab Shafi'i. Namun pendapat beliau yang berbeza dalam memahami isu-isu fiqh telah mencetuskan pemikiran baru yang bertentang arus dengan pemikiran ulama tradisional<sup>110</sup> kurang disukai oleh mereka. Pendekatan fiqh Tahir dilihat sangat dinamik dapat membuktikan beberapa perkara yang dapat dianalisis oleh penulis secara umum antaranya hukum syarak mesti berpaksikan dan berasaskan kepada dalil dan sumber yang paling kuat. Penulisan beliau juga telah menzahirkan kematangan beliau di dalam berhujah serta menyerlahkan daya keintelektualan beliau dalam keilmuan Islam. Beliau melihat kepentingan untuk memahami sesuatu persoalan fiqh dan menyelesaikannya dengan sumber dan dalil yang tepat. Beliau banyak menganalisis dan menilai dalil atau sumber sesuatu rujukan dengan teliti dan bersesuaian dengan realiti semasa serta konsisten menolak taqlid buta. Tahir peka dan banyak membuat penilaian terhadap dalil-dalil yang digunakan oleh para ulama dalam menguatkan hujah mereka.<sup>111</sup> Beliau menyeru kepada usaha-usaha untuk melakukan ijtihad dari bertaqlid kepada sesuatu pendapat di dalam memahami persoalan fiqh.<sup>112</sup> Dalam membicarakan soal taqlid beliau begitu menekankan perlunya peranan akal dalam kehidupan beragama dan di dalam kehidupan bersosial dan bermasyarakat.

Tahir mengkritik pola berfikir orang Melayu yang cenderung menyerah kepada nasib atau takdir yang tidak berupaya merubah nasib seseorang. Umat Islam lebih bersikap pasif tidak ada dinanisme pemikiran dan anjakan paradigma keilmuan. Dalam persoalan agama kefahaman dan ajaran Islam yang dianuti bercirikan taqlid hanya mengikut pendapat ulama yang terdahulu dan tidak berani merubah pemikiran yang telah sedia ada.<sup>113</sup> Ini bertepatan dengan konsep yang didokong oleh Tahir dalam pembaharuan pemikiran hukum Kaum Muda bahawa Islam amat

---

<sup>109</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 44.

<sup>110</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 277.

<sup>111</sup> Amin, "Sumbangan Syekh Tahir Jalaluddin," 277.

<sup>112</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 42.

<sup>113</sup> Mafri Amir, "Reformasi Islam," 39.

menggalakan budaya berfikir kerana banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyeru ke arah menggunakan akal lebih-lebih lagi dalam soal memahami kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah. Penekanan kepada penggunaan paradigma rasional ini berasaskan semangat ijtihad kepada usaha mempertingkatkan kreativiti umat Islam.<sup>114</sup>

### **Manhaj Terhadap Bid'ah**

Persoalan bid'ah adalah termasuk didalam perbahasan dikalangan umat Islam.<sup>115</sup> Ianya satu istilah yang tidak asing lagi dalam masyarakat islam khususnya di alam Melayu, namun pemahaman terhadap hakikat dan konsepnya yang sebenar tidak begitu jelas menyebabkan timbul salah faham dikalangan masyarakat Islam itu sendiri.<sup>116</sup> Tahir mengambil pendekatan yang tegas dalam menolak sesuatu perkara yang bukannya bersumberkan dari Rasulullah SAW<sup>117</sup> yang dikenali sebagai bid'ah, beliau antara ulama' di Tanah Melayu yang lantang dan keras mengkritik pengamalan ibadah yang tersasar dari sunnah nabi, beliau juga menulis satu kitab khusus berkenaan persoalan bid'ah ditulis dengan tulisan jawi diterbitkan oleh Lembaga Persediaan Majlis Muzakarah Kampung Baharu, antara lain mengkritik ketetapan Majlis Muzakarah Ulama' Se-Malaysia yang berjudul *Risalah Penebas Bidaah-bidaah Kepala Batas*.<sup>118</sup> Secara keseluruhannya kefahaman bid'ah Syeikh Tahir dalam kitab *Ta'yid Tadhkirah* terbina merujuk kepada fahaman yang dibawa oleh Ibn Hajar dalam kitab *Fath al-Mubīn* dan dari tulisan al-Shaṭībī didalam kitab *al-Itisam*, beliau tidak berkompromi didalam memperkatakan isu-isu bid'ah, menurut Tahir persoalan bid'ah adalah persoalan besar yang perlu dititikberatkan oleh setiap umat Islam serta bertentangan dengan sunnah Nabi, beliau konsisten mempertahankan pegangannya

---

<sup>114</sup> Lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., "Pemikiran Pembangunan Hukum Islam di Malaysia: Satu Analisis" (Kertas kerja, Seminar Seminar Kebangsaan Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari, Universiti Sains Malaysia pada 29 oktober 2008).

<sup>115</sup> 'Abdul Kadir Hassan, *Usul al-Fiqh*, cet. 7 (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1992), 171.

<sup>116</sup> Syamsul Bahri Andi Galigo, *Beberapa Isu dalam Pemikiran Islam* (Nilai: Penerbit USIM, 2007), 81.

<sup>117</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 1.

<sup>118</sup> Kitab ini boleh didapati di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Surat Persendirian, No Ruj: 2006/0036131.

bahawa solat sunat *qabliyyah* jumaat merupakan perbuatan bid'ah yang tidak dilakukan oleh Rasulullah, sahabat baginda serta para tabi'in dengan menegaskan sesuatu perkara bid'ah itu adalah isu yang telah dinaskan dengan jelas dan ditolak oleh nabi SAW dengan berhujjah mendatangkan hadith dari 'Aisyah<sup>119</sup> :

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ<sup>120</sup>

Sesiapa mengada-adakan dalam urusan kami ini (yakni urusan agama) sesuatu yang bukan darinya, maka ia tertolak”.

Menurut analisis Tahir, hadis ini memberi pentafsiran bahawa seseorang menyakini sesuatu yang bukan sunnah itu sebagai sunnah nabi, atau mengamalkan satu amalan yang tidak disunnahkan tetapi menyakini bahawa amalan itu adalah sunnah Nabi maka hal keadaan itu adalah ditolak. Dalam menghuraikan pengertian bid'ah Tahir merujuk kepada *ta'arif* yang dibawa oleh Imam al-Shatibi dalam kitabnya *al-Itisam*<sup>121</sup> dengan menegaskan satu bentuk amalan dalam agama yang direka menyerupai syari'at dengan tujuan untuk berlebih-lebih dalam beribadah kepada Allah.<sup>122</sup> Tahir dilihat berhati-hati dalam perkara-perkara berkaitan 'ibadah, setiap persoalan hukum penekanan diberikan kepada nas sebagai sandaran hukum apabila nas tidak diketahui sebagai sandaran hukum beliau mengklasifikasikannya sebagai bid'ah, dengan menegaskan 'ibadah itu dapat dilaksanakan dengan memahami hukum itu dengan jelas tidak boleh ber'ibadah dengan sesuatu yang tidak di syari'atkan, Menurut Syeikh Tahir :

<sup>119</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 40.

<sup>120</sup> Hadith riwayat Muslim. Bab Naqd al-Ahkām al-Baṭīlah war Ad Muḥdathat al-'Umur, no. hadis: 4589, juzuk 5:132. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Al-Jāmi' al-Ṣāḥīḥ al-Mukhtaṣar," *bab Idhā Istalahu 'alā Sulḥ Jurfa al-Sulḥ Mardūd*, no. hadis: 2550. Tahqiq Muṣṭafā Dīb al-Bhughā (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 4:220.

<sup>121</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 42.

<sup>122</sup> Terdapat satu lagi takrif yang dibawa oleh al-Shaṭībī dalam kitabnya iaitu satu bentuk amalan dalam agama yang direka menyerupai syari'at yang mana tujuan pengamalannya adalah sama seperti tujuan pengamalan syarak, lihat Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Lukhmi al-Shaṭībī, *al-Itisam* (Beirut: Dār al-Ma'rīfah, 2000), 2:24; lihat al-Shaṭībī, *al-Itisam* (Kaherah: Matba'ah al-Halabi, 1994), 27-28.

Sesuatu perkara yang bukan disyariatkan oleh Nabi Muhammad SAW maka ianya adalah tokok tambah dan ini dinamakan bid'ah.<sup>123</sup>

Menurut Tahir:

Ketika mana kami dapati ijma' ummah sesungguhnya ibadah yang tidak thabit dengan nas yang khusus dari syarak<sup>124</sup>

Tahir banyak menegur amalan-amalan bid'ah yang dilakukan oleh umat Islam di Tanah Melayu, iltizam beliau menyatakan kebenaran serta tidak gentar menyuarakan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam sebagai bid'ah. Beliau menyeru umat Islam wajar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar untuk menempa sejarah baru yang lebih progresif dan mengembalikan keagungan umat islam terutama dalam bidang ilmu pengetahuan.<sup>125</sup> Beliau juga lantang mengkritik orang-orang Melayu agar membebaskan diri mereka daripada fahaman kolot dan khurafat<sup>126</sup> kepada kefahaman dan penghayatan islam secara total sebagai *al-Dīn*.<sup>127</sup> Keadaan ini menggambarkan sikap Tahir yang sentiasa berhati-hati dalam beramal, supaya amalan tersebut tidak menyimpang dari landasan ajaran Islam yang sebenar. Usaha awal yang dicetuskan oleh Tahir bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia melibatkan usaha merobohkan benteng pemikiran yang sudah lama, sungguhpun begitu usaha beliau di Tanah Melayu tidak boleh dipandang kecil, malah sebaliknya perlu dilihat sebagai langkah-langkah awal yang cukup berkesan melahirkan idea dalam menggoncang minda masyarakat yang sudah lama berpegang dengan nilai kejumudan pemikiran.<sup>128</sup>

---

<sup>123</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 42.

<sup>124</sup> Tahir, *Ta'yid Tadhkirah*, 40.

<sup>125</sup> Mohd Sarim Mustajab, "Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama," 106.

<sup>126</sup> Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UITM, 2009), 6.

<sup>127</sup> Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam al-Quran*, 55.

<sup>128</sup> Azmi Ismail, "Peranan dan Pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin: Kajian Terhadap Reformisme Keagamaan di Tanah Melayu 1906-1940an (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001), 95.



### **Impak Pemikiran Tajdid Tahir Jalaluddin**

Dalam masyarakat melayu, pengaruh pemikiran hukum versi baru atau tajdid ini membawa kepada proses pemantapan kefahaman Islam. Secara relatifnya pengaruh pemikiran hukum Tahir memberi impak kepada gerakan perjuangan kaum muda<sup>129</sup> walaupun jika dilihat sepintas lalu perjuangan kaum muda ini dilihat sebagai unsur yang membawa perpecahan dalam masyarakat melayu. Namun dari sudut lainnya perjuangan ini sebenarnya telah membawa kepada peningkatan budaya intelektual didalam masyarakat. Ini kerana, mereka yang mempunyai iltizam yang tinggi dalam perjuangan islah ini berusaha menyebarkan idea dan fikrah mereka dengan menerbitkan surat khabar dan membuka madrasah.<sup>130</sup> Secara kebetulan mereka yang mendukung pemikiran islah terdiri daripada mereka yang usianya secara relatifnya masih muda,<sup>131</sup> kerana golongan muda yang mula-mula meletakkan asas tajdid pemikiran hukum islam, mereka telah melahirkan dan menimbulkan idea supaya ijtihad perlu dihidupkan dan cabaran pada taqlid dan terima pemodenan secara positif serta penggunaan akal perlu dipandang secara positif, maka lahirlah golongan intelektual Melayu yang dapat menganalisa perkembangan baru yang timbul didalam masyarakat melayu. Kesedaran ini kemudiannya telah mencetuskan kesedaran politik (nasionalisme) orang Melayu yang melahirkan beberapa pertubuhan politik berteraskan Islam dan Melayu seperti HAMIM, PAS dan KMMM.<sup>132</sup> Pertubuhan-pertubuhan ini kemudiannya menyebarkan beberapa pendekatan seperti penekanan kepada kepentingan akal dan logik, tauhid, demokrasi dan perpaduan umat Islam sejagat.<sup>133</sup>

---

<sup>129</sup> Mohamad Kamil Ab. Majid, "Tokoh-tokoh Pemikir Islam" dalam *Pengaruh Pemikiran Muhammad Abduh dalam Gerakan Islam di Malaysia*, ed. Zulkifli Haji Yusuf et al. (Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, c. 2, 1993), 172.

<sup>130</sup> Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 109.

<sup>131</sup> Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu*, 113.

<sup>132</sup> Rahimin Affandi, "Fiqh Malaysia", 33.

<sup>133</sup> Mohd Sarim Mustajab, *Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu: 1906 hingga 1948* dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982), 150-1.

### **Gerakan *Ahl al-Sunnah* di Perlis**

Antara impak pemikiran hukum Tahir wujudnya Gerakan *Ahl al-Sunnah*, Pendekatan yang tidak terikat kepada sebarang mazhab termasuk mazhab Shafi'i yang dijalankan oleh negeri Perlis. Kecenderungan tidak terikat kepada mazhab ini dapat dilihat dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Negeri Perlis yang memperuntukkan bahawa Undang-undang Islam di Negeri Perlis berasaskan al-Qur'an dan Sunnah serta tidak mengikatnya dengan sebarang Mazhab Fiqh. Sebenarnya aliran ini adalah daripada pengaruh kitab-kitab yang ditulis oleh Hasan Bandung dari Indonesia yang dibawa oleh beberapa orang yang berpengaruh ketika itu di Perlis seperti Wan Ahmad Wan Daud, Hj. Ahmad b. Hj. Muhammad dan Ahmad bin Mohd Hashim. Aliran ini timbul dalam lingkungan tahun 20-an (1924-1925) dan pada tahun 1959 dimasukkan dalam Undang-undang Pentadbiran Majlis Agama Negeri Perlis.<sup>134</sup> Bertentangan dengan amalan negeri-negeri Melayu lain yang menetapkan perlu mengikut amalan mazhab Shafi'i, pihak berkuasa agama di Perlis sebaliknya telah menetapkan bahawa sebarang keputusan agama dan fatwa harus dirujuk secara terus kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>135</sup>

Sebelum kemunculan gerakan islah di Perlis, aliran tradisional Mazhab Shafi'i terlebih dahulu wujud dan berkembang dari segi pengamalan syariatnya, bagaimanapun fenomena ini tidak kekal lama apabila sekitar tahun 1920 munculnya gerakan pembaharuan agama oleh tokoh-tokoh aliran reformasi, yang menyeru agar berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sahaja,<sup>136</sup> aliran ini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dan mulai mempengaruhi ramai dari kalangan mereka yang memegang tampuk pemerintahan negeri. Antara tokoh politik yang sering disebut sebagai penggerak utama gerakan Sunnah di Perlis pada tahun-tahun 1930an hingga 1950an ialah Haji Ahmad b. Haji Muhammad, Dato' Wan Ahmad bin Wan Daud dan Dato' Sheikh

---

<sup>134</sup> Lihat Mohd bin Harun, "Satu Kajian Konsep Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah dan Pelaksanaannya dalam Majlis Ugama Islam Perlis" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975/76), 91.

<sup>135</sup> Lihat Mohd Radzi Othman dan O.K.Rahmat, *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung kaitnya dengan Malaysia* (Pulau-Pinang: Penerbit USM, 1996), 123-134.

<sup>136</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia* (Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2010), 190.

Ahmad bin Mohd Hashim.<sup>137</sup> Proses memasukkan fahaman Sunnah dalam sistem perundangan negeri menjadi agak mudah disebabkan tokoh-tokoh politik negeri seperti yang disebut sebelum ini adalah terdiri dari kalangan pendukung dan penyokong aliran ini. Dalam masa yang sama aliran ini mendapat restu dan perkenan dari DYMM Tuanku Raja Perlis selaku ketua agama Islam di negeri ini. Dengan termaktubnya ia dalam perundangan negeri, maka negeri Perlis telah menjadi sebuah negeri yang berbeza dari negeri lain kerana ia tidak lagi terikat dengan mazhab Shafi'i dalam aspek-aspek dan urusan pentadbiran agamanya. Sejak itu, dominasi mazhab Shafi'i di negeri ini terhakis dan pengaruhnya kelihatan dikecang oleh perundangan.<sup>138</sup>

### **Penubuhan Madrasah yang Melahirkan Sarjana Melayu yang Maju ke Hadapan**

Antara impak pemikiran hukum Tahir adalah Penubuhan Madrasah<sup>139</sup> yang melahirkan Sarjana Melayu yang *advance*. Institusi madrasah di Tanah Melayu berdasarkan kepada konsep yang secara relatif moden, pengajaran dimadrasah tidak dalam bentuk halaqah, matapelajaran yang diajar pula tidak terbatas kepada matapelajaran agama, tetapi turut merangkumi matapelajaran bukan agama seperti ilmu kira-kira, mantiq, ilmu alam dan lain-lain.<sup>140</sup> Tahir dalam gerakan kaum muda menggunakan pendekatan pendidikan madrasah bagi menyebarkan pemikiran mereka.<sup>141</sup> mereka meletakkan idea-idea pembaharuan hukum pada sistem madrasah yang mereka anjurkan, dalam kerangka sistem madrasah ini, mana-mana pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi telah

---

<sup>137</sup> Saadan Man, "Kedudukan Mazhab Shafi'i dalam Perkembangan Ahlus Sunnah di Negeri Perlis," *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 147-149.

<sup>138</sup> Saadan Man, "Kedudukan Mazhab Shafi'i dalam Perkembangan Ahlus Sunnah di Negeri Perlis," *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 147-149.

<sup>139</sup> Ahmad Zaki Hj Abdul Latiff, *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia* (Selangor: Pusat Penerbitan Universiti, UITM, 2006), 40.

<sup>140</sup> Mohammad Redzuan Othman, *Masjid al-Haram Sebagai Sebuah Institusi Pengajian: Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Melayu dalam Islam di Tanah Melayu Abad ke 19*, ed. Farid Mat Zain (Batu Caves: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2007), 54.

<sup>141</sup> Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu*, 115.

digalakkan oleh guru-guru mereka supaya menyambung pelajaran ke Timur Tengah yang menjadi pusat utama yang menyebarkan idea-idea tajdid hukum. Apabila lulusan Timur Tengah ini kembali ke Malaysia, rata-ratanya telah diserapkan dan bertugas di beberapa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang secara pastinya akan meyuntik idea-idea tajdid di Jabatan tersebut.<sup>142</sup> Ini dapat dilihat keterbukaan Majlis Agama dan Institusi pentadbiran Agama Islam dengan idea-idea pembaharuan hukum beberapa idea tajdid hukum dapat dikembangkan didalam institusi yang berorientasikan pentadbiran undang-undang Islam, antaranya penggunaan konsep *masalahah* diperluaskan oleh mufti-mufti dalam mengeluarkan fatwa mereka terhadap persoalan baru atau fiqh kontemporari.<sup>143</sup>

Didalam pemakaian konsep *talfiq* dalam kes pembayaran zakat fitrah, mengikut amalan mazhab Shafi'i yang menjadi mazhab pegangan utama di Malaysia, sesuatu zakat fitrah perlu dibayar dalam bentuk makanan asasi tempatan. Tetapi kerana masalah komunikasi yang kurang baik, pembayaran zakat tersebut dilaksanakan dengan menggunakan wang, dengan menggunakan pendekatan mazhab Hanafi yang telah diterima pakai dengan meluas oleh kebanyakan majlis agama negeri,<sup>144</sup> kerana ada kelonggaran dalam penerimaan pendapat mazhab lain dalam mu'amalat kebelakangan ini kerana keperluan pasaran yang banyak mentarjihkan pendapat Hanafi dan kecenderungan sebahagian generasi muda mengikut tafsiran mazhab lain dalam beberapa amalan ibadat dan kerohanian, tetapi ia tidak mengubah pegangan rasmi pemerintah dan masyarakat terhadap Mazhab Shafi'i secara umumnya.<sup>145</sup> Pendidikan agama melalui perubahan dan perkembangan baru apabila wujudnya geraka pembaharuan pada ketika tu dengan wujudnya sistem madrasah yang lebih sistematik dan formal daripada sistem pondok. Dalam sistem madrasah ini matapelajaran islam tidak lagi tertumpu kepada soal-soal ibadat dan tauhid sahaja tetapi lebih menyeluruh, sistem pengajian madrasah menawarkan sistem pengajian yang lebih teratur serta dilaksanakan

---

<sup>142</sup> Rahimin Affandi, "Fiqh Malaysia," 34.

<sup>143</sup> Othman Ishak, *Fatwa dalam Perundangan Islam* (Kuala Lumpur, t.t.p, 1981), 90-93.

<sup>144</sup> Othman Ishak, "Talfiq dalam Perundangan Islam", *Islamika*, v. 111 (1985), 95-98.

<sup>145</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Mazhab Shafi'i di Malaysia* (Kertas kerja, Seminar Tadib Islam anjuran ABIM dan PKPIM, 2008).

ditempat-tempat yang lebih kondusif, antara ilmuwan yang membangunkan madrasah ini termasuklah Muhammad Tahir Jalaluddin.<sup>146</sup>

Pengaruh aliran pembaharuan pemikiran hukum ini berkembang dinegeri-negeri Melayu bersekutu iaitu dengan munculnya madrasah-madrasah yang beraliran sedemikian.<sup>147</sup> Di antara yang terawal ialah kemunculan Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar, Madrasah al-Diniah Kampung Lalang di Perak, ini diikuti pula dengan terdirinya beberapa buah cawangannya di beberapa buah kampung yang telah memperkembangkan pengaruh aliran Reformasi di Perak.<sup>148</sup> Di negeri Selangor, perkembangan ini turut menyerap di Madrasah al-Ubudiah, Kampung Jenderam. Juga di Negeri Sembilan dikenali sebagai Madrasah Aliah Islamiah di Kampung Pelangi, dan juga tertubuhnya madrasah Islamiah di Sungai Dua dan Madrasah Jemaah Islamiah di Kampung Tengkek.<sup>149</sup>

Pemikiran yang dilontarkan oleh Kaum Muda telah memberi nafas baru kepada Institusi Pendidikan Islam yang diasaskan secara lebih sistematik dan tersusun. Sekolah-sekolah Arab Moden telah berkembang subur pada awal abad ke-20. Di antara madrasah yang terawal ialah madrasah al-Iqbal di Singapura, Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah di Pulau Pinang dan Ma'ahad al-Ihya' al-Syarif di Semanggol. Kaum Tua kebanyakannya mempunyai pengaruh yang kuat di pondok-pondok manakala Kaum Muda berpusat di madrasah-madrasah. Kemunculan institusi baru berbentuk madrasah yang diperkenalkan oleh Kaum Muda sebenarnya telah menjadi salah satu faktor kemerosotan institusi pondok di Tanah Melayu<sup>150</sup> ramai lepasan madrasah telah dihantar ke Kaherah bagi

---

<sup>146</sup> Mohd Koharuddin Mohd Balwi, "Tradisi Keilmuan dan Pendidikan dalam Tamadun Melayu di Nusantara", *Jurnal Kemanusiaan* (Kuala Lumpur: UTM, bil. 3 (2004), 55.

<sup>147</sup> Redzuan Othman, "*Islam dan Masyarakat*," 115.

<sup>148</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran* (Jakarta : Gema Insani, 1997) 291.

<sup>149</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 292.

<sup>150</sup> Abdul Aziz Mat Ton, "Guru-guru Melayu dalam Politik Melaka hingga 1955," *Jurnal Sejarah*, no. 2 (1993), 79; lihat Ahmad Zaki, *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*, 40-1.

melanjutkan pengajian<sup>151</sup> seterusnya menjadi ilmuwan dan tokoh agamawan yang disegani didalam beberapa bidang yang tertentu.

Kejayaan utama gerakan islah ialah memberi nafas baru kepada Islam dengan mengasaskan madrasah-madrasah agama dengan lebih sistematik dan tersusun. Terdapat sekolah-sekolah Arab moden telah berkembang pada awal abad ke-20 akibat daripada gerakan islah di Timur Tengah dan pengaruhnya di kalangan masyarakat Melayu. Di antara madrasah yang terawal ialah Madrasah al-Iqbal di Singapura, Madrasah al-Masyhur al-Isamiyyah di Pulau Pinang, Ma'had al-Ihya' al-Syarif di Semenggol Perak. Penubuhan madrasah-madrasah berkenaan adalah merupakan langkah bijak untuk berhadapan dengan pengaruh Barat. Hasil daripada keluaran madrasah tersebut telah lahir pemimpin agama seperti Tahir Jalaluddin, Abu Bakar al-Asy'ari, Haji Abbas Muhamad Taha yang meneruskan perjuangan gerakan islah setelah pulang dari Makkah dan Universiti al-Azhar, Mesir.

## Penutup

Ketokohan dan keperibadian Tahir Jalaluddin sebagai ilmuwan dan 'ulama' sering disebut dan diperkatakan oleh para sarjanawan dan cendekiawan lain sama ada anak muridnya, yang seangkatan dan yang hidup selepas zamannya. Idea-idea positif yang dibawa oleh kaum pembaharuan ini tidak dapat dinafikan, terutamanya dalam melahirkan kesedaran politik dan kefahaman Islam terhadap masalah-masalah yang perlu disedari untuk kepentingan umat Islam. Sungguhpun pertelagahan itu berlaku dalam masalah *furu'* agama, tetapi dalam masalah besar tentang kepentingan umat Islam mereka bersatu kemudiannya, sehingga mereka menjadi satu '*force*' yang mencorakkan gerakan politik di negara ini untuk mengembalikan identiti Islam itu ke pangkuan masyarakatnya. Kesan daripada perkembangan ini, maka didapati beberapa buah karya *khilaf* telah muncul dalam persuratan Melayu seperti kitab *Penebas Bida'ah Kepala Batas* oleh Tahir.<sup>152</sup> Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga bahawa peranan ulama'

---

<sup>151</sup> Redzuan Othman, "*Islam dan Masyarakat*," 115.

<sup>152</sup> Abdul Halim El-Muhammady, "[Pengaruh Fiqh Shafi'i dalam Pemikiran Masyarakat Melayu di Malaysia](#)" (Kertas kerja, Seminar Hukum Islam Semasa V, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007).

reformis dalam merobohkan benteng pemikiran *status quo* akidah, budaya dan politik ini telah membawa banyak kemajuan kepada masyarakat Islam khususnya dalam mencetuskan semangat kemerdekaan dan pengisian-pengisian pemikiran Islam baharu selepas kemerdekaan.<sup>153</sup>

### Bibliografi

- ‘Abdul Kadir Hassan. *Usul al-Fiqh*. Cet. 7, Kota Baharu: Pustaka Aman Press, 1992.
- ‘Uthman, Muhammad Raft. “Al-Ta‘asub al-Mazdhabī Athāruhu ‘alā al-Madhāhib al-Islāmiyyah”. Laman sesawang *Al-Furqān*, dicapai pada 20 Jun 2012. <http://www.al-forqan.net/>.
- Abdul Aziz Mat Ton. “Guru-guru Melayu dalam Politik Melaka hingga 1955.”. *Jurnal Sejarah*, no. 2 (1993).
- Abdul Ghani Shamsudin. *Kedudukan Hadith dalam Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama’ Malaysia, 1987.
- Abdul Halim El-Muhammady. “[Pengaruh Fiqh Shafi’i dalam Pemikiran Masyarakat Melayu di Malaysia](#).” Kertas kerja, Seminar Hukum Islam Semasa V, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007.
- Abdul Halim el-Muhammady. *Pengaruh Mazhab Shafi’i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*. Kajang: Sincere Press, 1982.
- Abdul Halim El-Muhammady. *Pengaruh Mazhab Shafi’i di Malaysia*. Kertas kerja, Seminar Tadib Islam anjuran ABIM dan PKPIM, 2008.
- Abdul Halim el-Muhammady. *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1986.
- Abdul Halim el-Muhammady. *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1994.
- Abdul Kadir Muhammad. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Abdul Karim Ali et al. “Faktor Perubahan Pendapat al-Shafi’i dari *Qawl Qadīm* kepada *Qawl Jadīd*,” *Jurnal Syariah*, jil. 16, bil. 2 (2008).

---

<sup>153</sup> Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama’ di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20* (Kedah: UUM Press, 2011), 102.

- Abdul Karim Ali et al. "Faktor Perubahan Pendapat Imam al-Shafi'i dari *Qawl Qadīm* kepada *Qawl Jadīd*", *Jurnal Syariah*, jil. 16, bil. 2 (2008).
- Abdul Karim Ali et al. *Fiqh Ikhtilaf*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009.
- Abdul Karim Ali. "Tajdid Fiqh Mazhab Shafi'i di Malaysia." *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007), 78-9.
- Abdul Rahman Abdullah. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani, 1997.
- Abdul Rahman Abdullah. *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Abdul Rahman Abdullah. *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2010.
- Abdullah @ Alwi Hassan. *Penyelidikan sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah dalam Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.
- Abdullah Ishak. *Islam di Nusantara*. Cet. ke-2. Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM, 1992.
- Ahmad Zaki Hj Abdul Latiff. *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti, UITM, 2006.
- Al-Shatībī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmi al-Gharnatī. *Al-Muwāfaqāt*. Kaherah: Matba'ah 'Alī Subayh wa Awladihi, t.t..
- Al-Shatībī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Lukhmi. *Al-Itiṣam*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2000.
- Al-Shatībī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Lukhmi. *Al-Itiṣam*. Kaherah: Matba'ah al-Halabi, 1994.
- Al-Suyūṭī, Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr. *Al-Minhaj al-Ṣāwi fī Turjumāt al-Imām al-Nawāwī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.
- Al-Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari. *Risalah Penebas Bid'ah-bid'ah di Kepala Batas*. Pulau Pinang: Lembaga Persediaan Majlis Muzakarah Kampung Baharu, t.t.
- Al-Zuhayli, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Cet. ke-3 Damsyik: Dār al-Fikr, 1986.
- Azmi Ismail. "Peranan dan Pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin: Kajian Terhadap Reformisme Keagamaan di Tanah Melayu 1906-1940an. Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.



- Basri Ibrahim et al. *Kaedah-kaedah Penting Usul Fiqh Berdasarkan Manhaj Ahli Hadis*. Selangor: al-Hidayah Publications, 2011.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Hafiz Zakariya. "Islamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin." *Intellectual Discourse*, vol. 13, no 1 (2005).
- Hassan Langgulong. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram. *Lisān al-‘Arab*. Kaherah: Matba‘ah al-Dār al-Arabiyyah li al-Ta‘lif wa al-Tarjamah, t.t.
- Idris Awang dan Rahimin Affandi. "Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan dalam Penyelidikan Islam." *Jurnal Fiqh*, no. 3 (2006).
- Luqman Abdullah. "Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan dalam kerangka Amalan Bermazhab Shafi'i Masyarakat Melayu." *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007).
- Luqman Abdullah. "Isu-Isu Mazhab dan Khilafiyah di Malaysia". Kertas kerja, Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 20-22hb Julai 2010.
- Luqman Haji Abdullah. "Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafi'i Masyarakat Melayu." *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007).
- Mafri Amir. "Reformasi Islam Dunia Melayu Indonesia: Studi Pemikiran, Gerakan dan Pengaruh Syeikh Muhammad Thahir Jalal-Din." Tesis kedoktoran, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2004.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd, 2003.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. "Mazhab Syafi'i di Malaysia: Sejarah, Realiti dan Prospek Masa Depan". *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007).
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. "Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan" dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*. Penerbitan al-Bayan, Kuala Lumpur, 1997.
- Mohamad Amin Abu Bakar. "Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956M) Terhadap Perkembangan, Fiqh di Nusantara".

- Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) Iv, *Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. "Tokoh-tokoh Pemikir Islam" dalam *Pengaruh Pemikiran Muhammad Abduh dalam Gerakan Islam di Malaysia*, ed. Zulkifli Haji Yusuf et al. Cet. 2, Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., 1993.
- Mohammad Ilyas. "Syekh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains," ed., Sohaimi Abdul Aziz, *Syekh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*. Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia 2003.
- Mohammad Ilyas. "Syekh Tahir Jalaluddin sebagai Model Contoh Integrasi Bidang Syariah dan Sains", dalam *Syekh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam* ed. Sohaimi Abdul Aziz. Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia 2003.
- Mohammad Kamil Ab. Majid. *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*. Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn.Bhd, 2010.
- Mohammad Redzuan Othman. "Masjid al-Haram Sebagai Sebuah Institusi Pengajian: Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Melayu" dalam *Islam di Tanah Melayu Abad ke 19*, ed. Farid Mat Zain. Batu Caves: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2007.
- Mohammad Redzuan Othman. *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Mohd Anuar Ramli dan Rahimin Affandi Abdul Rahim. "Mazhab Shafi'i dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis". *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007).
- Mohd Harun. "Satu Kajian Konsep Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dan Pelaksanaannya dalam Majlis Ugama Islam Perlis". Disertasi, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975/76.
- Mohd Jamil Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UITM, 2009.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. "Tradisi Keilmuan dan Pendidikan dalam Tamadun Melayu di Nusantara". *Jurnal Kemanusiaan*, bil. 3 (2004).

- Mohd Radzi Othman dan O.K.Rahmat. *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung kaitnya dengan Malaysia*. Pulau-Pinang: Penerbit USM, 1996), 123-134.
- Mohd Saleh Haji Ahmad. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999.
- Mohd Sarim Mustajab. “Sheikh Tahir Jalaludin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan Agama dan Perubahan Masyarakat” dalam *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, ed. Sohaimi Abdul Aziz. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003.
- Mohd Sarim Mustajab. *Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu: 1906 hingga 1948 dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982.
- Muhadir Joll. *Enam perkara Asas memahami Khilafiyah*. Cet. ke-2. Selangor: Mawleed Publishing, 2010.
- Muhammad Tahir Jalaluddin. *Ta'yyid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atain Qabl al-Jum'ah*. Pulau Pinang: Zi United Press, 1953.
- Muhammad, Abū 'Abd Allāh Shams al-Dīn. *Tadhkirah al-Huffaz*. Cet. 3, Hyderabad: Da'iratul Ma'arif al-'Osmania, 1958). vol. iv.,
- Mustaffa bin Abdullah et al. *Konflik Ikhtilaf di kalangan Aliran-aliran Islam di Malaysia: Faktor dan Punca* dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Pemikiran Islam. Bangi: Jabatan Akidah dan Falsafah, UKM, 2004.
- Nik Mohd Rosdi. *Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam Ilmuan Nusantara*. Kuala Lumpur, Percetakan Zafar Sdn Bhd, 2011.
- Noor Naemah Abd. Rahman et. al. “Keterikatan Fatwa kepada Mazhab Shafi'i: Analisis terhadap Fatwa-fatwa Jemah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan”. Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh Sufi 2004, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM, 2004.
- Othman Ishak. “*Talfiq* dalam Perundangan Islam.” *Islamika*, v. 111, (1985).
- Othman Ishak. *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur, t.t.p, 1981.

- Qutub Mustafa Sanu. *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh 'Arabī-Ingilizī*. Damsyik: Dār al-Fikr, 2000.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. "Etika Penyelidikan Islam: Satu Analisa". *Jurnal Afkar*, v. 1 (2000).
- Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. "Pemikiran Pembangunan Hukum Islam di Malaysia: Satu Analisis". Kertas kerja, Seminar Kebangsaan Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari, Universiti Sains Malaysia, 29 Oktober 2008.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. "Pemikiran Pembangunan Hukum Islam di Malaysia: Satu Analisis". Kertas kerja, Seminar Seminar Kebangsaan Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari, Universiti Sains Malaysia pada 29 Oktober 2008.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. "Ulama' dan Paradigma Menangani Kebudayaan Melayu." dalam Hashim Awang *Wacana Budaya*, ed. Othman Yatim dan Nor Azita Che Din. Kuala Lumpur: APMUM, 2006.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. "Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah" dalam *Fiqh Malaysia: Kearah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini* ed. Paizah Ismail et al. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.
- Rushdi Ramli et al. "Kesesuaian Pemikiran dan Amalan Mazhab Selain Shafi'i" dalam *Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis Awal* dalam *Islam and Contemporary Muslims Challengers and Issues*, ed. Siddig Ahmad et al. Bangi: Jabatan Aqidah dan Falsafah, Falkulti Pengajian Islam, UKM, 2009.
- Saadman Man. "Kedudukan Mazhab Shafi'i dalam Perkembangan Ahlus Sunnah di Negeri Perlis". *Jurnal Fiqh*, no. 4 (2007).
- Shukri Ahmad. *Pengaruh Pemikiran Ulama' di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke 20*. Kedah: UUM Press, 2011.
- Syamsul Bahri Andi Galigo. *Beberapa Isu dalam Pemikiran Islam*. Nilai: Penerbit USIM, 2007.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Yusuf Qardawi. *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Kuala Lumpur: Thinker's Library, 1996.